

P A M E R A N F E B R U A R I 2 0 2 1



Bahan bacaan  
popular di PTAR3

CALL NUMBER : PL 5139 .R69K87 2015  
LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

## KU PELUK HATIMU

Tika usia masih mentah, dia sudah pandai bermain perasaan. Menyimpan perasaan pada seorang pelajar lelaki yang terkenal di sekolah. Tapi dek kerana kekurangan dirinya, disimpan kemas apa yang ada di hatinya. Namun, malam keramat itu telah mengubah segalanya. Dewi Karmila mula menjadi gadis perindu, pencinta yang setia. Tidak ada lelaki yang mampu menandingi si dia di hatinya.

Hati Rizuan tertarik pada si gadis manis yang ceria dan jinak-jinak merpati, tapi tegas dalam menjalankan tugasnya. Dek kerana sifat playboy, suka bertukar-tukar pasangan membuatkan dia tidak punya keyakinan untuk meluahkan perasaannya pada gadis bertudung bernama Dewi Karmila. Dia bimbang andai cintanya ditolak dan persahabatan yang terbina akan tergugat. Lalu disimpan sahaja apa yang ada di hatinya.



## JODOH YANG KU CARI

Cinta di awal remaja telah mengikat hati Suhailah pada Rusydi. Sayangnya lelaki itu berlaku curang menduakannya dengan gadis lain. Sejak itu, fokus Suhailah hanya pada karier hingga menjangkau usia 30an.

Dia pasrah bila sering dilabelkan sebagai andartu hingga takdir menemukannya semula dengan Rusydi. Lelaki itu memujuknya mahu kembali bermain cinta sedangkan statusnya adalah suami orang. Sebagai isteri, Azura bertegas menghalang hasrat Rusydi itu. Dengan bantuan Sally yang terkenal dengan lagak Queen Control, misi ini dijalankan. Dalam kesungguhan Sally membantu kakak iparnya itu, dia akhirnya terpalit malu bila Syam, kekasihnya telah jatuh hati dengan Suhailah! Masalah makin kronik.

Bagi Suhailah, dia bukan perampas kekasih Sally dan bukan orang ketiga dalam rumah tangga Azura. Gelaran andartu bukan bermakna dia terdesak mencari calon suami. Tetapi perhitungan perlu dibuat! Seorang andartu sedia 'berperang' dengan seorang Queen Control serta isteri orang. Dua lawan satu! Nantikan keputusan perlawanan...

CALL NUMBER : PL 5139 .E35J63 2015

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

CALL NUMBER : PL 5139 .D36L36 2016

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)



## LANGIT CINTA


Kedatangan Aliff Zulkarnain, pewaris Samudera Holdings ke pulau itu telah mengubah hidup Khadeja. Pertama kali bertentang mata, dia merasakan suatu perasaan yang meresap ke sanubarinya.

Keikhlasan dan kesungguhan Aliff berjaya melembutkan jiwa kental Khadeja. Dia diperisterikan walaupun mendapat tentangan hebat daripada keluarga lelaki itu. Namun, ada hati yang terluka. Cinta luhur Budiman untuk Khadeja serta kasih Dr. Suzana untuk Aliff, terus menjadi rahsia.

Tidak disangka, kebahagiaan Aliff dan Khadeja sekejap cuma. Khadeja diduga apabila Aliff tidak kembali selepas pulang ke Kuala Lumpur atas urusan keluarga. Pemergian Aliff menjadi tanda tanya.

## 21 HARI TEBUSAN DI SIERRA LEONE

Buku ini menceritakan pengalaman penulis sebagai seorang tebusan selama 21 hari semasa bertugas di bawah United Nations Mission in Sierra Leone (UNAMSIL) mulai Julai 1999 hingga Julai 2000. Buku ini merupakan terjemahan daripada buku asal dalam versi bahasa Inggeris yang bertajuk 21 Days: A True Story of Malaysian Hostage in Sierra Leone yang diterbitkan pada tahun 2005. Memandangkan buku tersebut hanya merekodkan cerita sehingga Julai 2000, buku dalam versi bahasa Melayu yang bertajuk 21 Hari: Tebusan di Sierra Leone ini telah ditambah dengan bahagian Epilog. Tujuannya bagi menerangkan kejadian-kejadian berkaitan cerita tersebut sejak lebih sedekad yang lalu kepada pembaca agar mereka dapat menghayati perkembangannya semenjak kepulangan penulis ke Malaysia tahun 2013



CALL NUMBER : KZ 6517 .G3 2015

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

CALL NUMBER : PL 5139. Y38T47 2015

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

## TERBAIK UNTUKMU

Masalah keluarga memaksa Juita mengorbankan usia remajanya membantu ibunya, Kak Jah di gerai nasi lemak miliknya. Pertemuan dengan Muhamad Asyraf a.k.a Kebeng, pelanggan tetap di gerainya membibitkan rasa cinta. Kebeng menyimpan hasrat untuk menjadikan Juita miliknya yang sah. Dalam diam Juita juga menaruh hati kepada Kebeng. "Rasailah kehadiran saya seperti angin yang bertiup. Tidak nampak di mata, tetapi dinginnya terasa hingga ke tulang." - Kebeng "Rasa ini selalu hadir untukmu. Sesuatu yang mungkin kau takkan pernah tahu." - Juita Kehadiran Faiz, teman sejak sekolah rendah yang masih mengharapkan cintanya yang ditagih sejak sekian lama disambut Juita. Kenakalan Faiz sering menyakitkan hati Juita yang tidak pernah menyimpan perasaan walau sekelumit pun terhadap lelaki itu.



signs of the island being brought back to life anyway, I had

## MERTUAKU SAYANG

KATA orang kalau kita sudah berkahwin, keluarga pasangan adalah keluarga kita juga. Malah, kalau kita berjaya membeli jiwa mertua, kita juga mampu menakluki sepenuhnya cinta suami, maklumlah ibu suami sudah menjadi ibu kita. Memang begitulah sepatutnya. Namun, ada kalanya tidak semua yang diimpikan manis belaka. Pernah dengar perumpamaan, pukul anak sindir menantu, biar banyak rumah, jangan banyak serumah atau isteri boleh diganti, ibu tiada galang ganti? Hakikatnya, pelbagai kisah sama ada lucu, pilu, penuh tawa atau hiba boleh terjadi apabila kita berhadapan dengan ibu mertua.



CALL NUMBER : HQ 519 .L55 2008

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

# SALJU CINTA ANNA

Cinta itu suatu rasa yang aneh, unik, sukar untuk ditafsirkan dengan kata-kata. Datangnya tidak dijemput dan perginya tidak diusir. Uniknya cinta, manusia berasa bahagia ketika menderita. Begitulah yang dirasakan Anna. Kehadiran Hud yang pada mulanya tidak diumpamakan itu amat memberi erti yang besar dalam dirinya. Perkenalan singkat itu adalah titik mula sebuah kehidupan yang baru. Benarlah, TUHAN tidak akan jadikan sesuatu tanpa sebabnya. Kerana itu dia sedar, kehilangan dan kekecewaan itu adalah rahmat TUHAN. Biar pun berbeza adat dan budaya, tidak sesekali dia mengusir cinta yang datang. Biar pun jarak dan waktu memisahkan, dia akan tetap bahagia merindui lelaki itu. Biar pun memiliki hati lelaki itu seakan mustahil, dia tidak akan pernah kesal mencintai Hud. "Saya bukan siapa-siapa untuk menyayangi awak. Kalaupun saya, sayang tu takkan kekal. Bila-bila masa saja saya akan pergi dan sayang tu akan hilang. Tapi ada yang akan kekal mengasihi awak sampai bila-bila. DIA TUHAN Yang Esa..." - HUD AIDIT

**CALL NUMBER : PL 5139 .A33S25 2015**

**LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)**

# I AM MY BRAND : HOW TO BUILD YOUR BRAND WITHOUT APOLOGY

I Am My Brand is a toolkit for personal brand success. Featuring dynamic female brand builders from around the world, the book is a woven tapestry of personal brand advice with storytelling and support that offers a practical guide for female entrepreneurs, freelancers and executives. I Am My Brand explores the techniques used by different women across cultures to build their personal brand, as well as the challenges they faced and their paths to overcoming them. Focused on the skills needed to succeed, their stories - coupled with the author's expertise - will support readers on their own journey to brand success and self-empowerment in work and life.



**CALL NUMBER : HD 69 .S67 2020**

**LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)**



CALL NUMBER : HF 5386 .K66 2020

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

# JOY AT WORK : ORGANIZING YOUR PROFESSIONAL LIFE

Marie Kondo's first book, *The Life-Changing Magic of Tidying*, sparked a new genre of publishing and became an international bestseller. Now, for the first time, you will be guided through the process of tidying up your work life. Whether you are unexpectedly working at home or if you have a dedicated work space or office, if you properly simplify and organize your work life once, you'll never have to do it again. In *Joy at Work*, KonMari method pioneer Marie Kondo and organizational psychologist Scott Sonenshein will help you to refocus your mind on what's important at work, and as their examples show, the results can be truly life-changing. With advice on how to improve the way you work, the book features advice on problem areas including fundamentals like how to organize your desk, finally get through your emails and find balance by ditching distractions and focusing on what sparks joy.

## KECUBUNG

Wajahnya cantik tetapi seperti pokok kecubung yang indah bunganya, dia memabukkan serta beracun. Di dalam dirinya mengalir dendam yang sarat dan perlu dibalas. Dia tidak akan puas selagi orang-orang yang telah memperkotak-katikan maruah dan menghitamkan kehidupannya masih lepas bebas di luar sana.

“Kurang ajar! Kau orang ingat aku ni barang yang kau pecahkan kat pasar raya ke, yang dapat kau tebus dengan membayar ganti rugi?!”

Siapakah sebenarnya perempuan yang sarat dengan dendam itu? Dan kenapakah dia menjadi seorang pendendam?

Sementara itu, peristiwa 5 tahun lepas...

“Siapa nama kau, hah? Kau cantiklah!” - EDDY HAKIMI.

“Memang cantiklah perempuan ni, Eddy. Anugerah dari Tuhan untuk kita berempat kut?” - FARHAN.

“Kejar perempuan tu. Jangan bagi dia lepas!” - EDDY HAKIMI.



CALL NUMBER : PL 5134 .R58 2020

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UiTM (PTAR3)

CALL NUMBER : BP 130.58 .S93 2020

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UTM (PTAR3)

## LELAKI YANG HEBAT-HEBAT DALAM AL-QURAN

Lelaki yang hebat-hebat itu bukanlah lelaki yang seperti malaikat.

Dia ialah lelaki yang biasa-biasa, namun saat imannya diugut oleh Raja yang jahat, dia berani masuk ke dalam gua dan meninggalkan keselesaan hidup demi membela iman. Persis pemuda Ashabul Kahfi.

Dia adalah lelaki yang biasa-biasa, namun saat berhadapan dengan ayah sendiri dan masyarakat yang jahil, dia berani mempertahankan kebenaran dan menghadapi ujian. Persis Nabi Ibrahim AS, ketika mudanya.

Dia adalah lelaki yang biasa-biasa, namun saat si ayah menerima arahan Tuhan untuk menyembelihnya, dia berani menyanggah arahnya tanpa dolak-dalih. Persis Nabi Ismail AS, ketika mudanya.


Melalui buku ini, Ust Syaari menghurai kisah lelaki yang hebat-hebat di sisi Allah SWT meskipun hakikatnya mereka adalah insan yang biasa-biasa sahaja. Buku ini sesuai dibaca oleh segenap lapisan masyarakat yang mengimpikan lahirnya lelaki dengan acuan Al-Quran.



## A STORM OF SWORDS: PART 2 BLOOD AND

## GOLD (A SONG OF ICE AND FIRE, BOOK 3)

The third volume, part two of A SONG OF ICE AND FIRE, the greatest fantasy epic of the modern age. GAME OF THRONES is now a major TV series from HBO, featuring a stellar cast. The Starks are scattered. Robb Stark may be King in the North, but he must bend to the will of the old tyrant Walder Frey if he is to hold his crown. And while his youngest sister, Arya, has escaped the clutches of the depraved Cersei Lannister and her son, the capricious boy-king Joffrey, Sansa Stark remains their captive. Meanwhile, across the ocean, Daenerys Stormborn, the last heir of the Dragon King, delivers death to the slave-trading cities of Astapor and Yunkai as she approaches Westeros with vengeance in her heart.



CALL NUMBER : PS 3563 .A7239M37 2011

LOKASI : PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN UTM (PTAR3)